



MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Thursday 17 May 2001 (afternoon)
Jeudi 17 mai 2001 (après-midi)
Jueves 17 de mayo de 2001 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Rédiger un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

*Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:*

1. (a)

Kertas 1

Aku tidak sepatutnya memandu laju. Dan aku tidak sepatutnya tergesa-gesa pulang. Biarlah Neri menangis kerana kelewatanku. Biar juga Rok meradang atas alasan yang serupa. Lihatlah apakah yang berlaku sekarang? Aku telah membunuh seseorang! Aku telah membunuh ayah budak itu!

5 Malang betul lelaki itu. Tergolek sepuluh meter dari jarak kereta aku yang melanggarnya. Saat kepalanya terpukul dengan cermin depan kereta barulah kakiku memijak pedal brek sekuat mungkin, seakan tidak mahu kulepaskan lagi.

Namun semuanya telah terlambat. Darah panas terpercik pada cermin keretaku. Pecah tengkoraknya seolah ku dengar dengan kuat dan kukira itu pasti menghantuiku
10 selagi nafasku ada. Tubuh yang tergolek jauh itu disaksikan matakku yang terbeliak pada skrin kereta yang darahnya semakin hilang direnjis air hujan dan seorang budak yang menjadi saksi kealpaan manusia lemah menjahanamkan kedamaianku.

Aku terpegun dan panik dalam kekakuan. Kakiku masih memijak pedal brek. Tanganku enggan beralih dari stereng. Kewarasanku enggan mempercayai sesuatu yang
15 telah berlaku. Aku tidak mahu membenarkannya! Namun pada saat matakku bertembung dengan wajah budak itu, kurasakan bayangan hitam seakan-akan mega yang cukup gelap menyelubungi jiwa. Itu menakutkan aku.

Kamu tak nampak diakah! Teriak jantungku yang berdegup dahsyat seperti dipalu seorang pahlawan terhormat. Salah, aku bersalah! Akhirnya aku mengharungi
20 kolam ketakutan yang pertama dengan mengakui kesalahanku. Penafian tentang kematian yang dilakukan hanya membawa kepada jenayah lain. Ini juga akan membebani kepalaku sehingga mungkin menyebabkan aku edan. Kupandang kawasan sekeliling. Pepohon, bukit-bukau, hujan dan angin merupakan saksi kemalangan itu, dan budak itu sendiri bagaikan hakim tertinggi.

25 Kuangkat kaki dari pedal brek. Jemariku turut melepaskan stereng kereta. Kumatikan enjin kereta sebelum keluar dari kenderaan itu. Hujan biarlah hujan. Basah baju tidak kuhiraukan. Darjatku lucut sama sekali, terlucut di depan budak tersebut. Kuorak langkah melambat-lambat mendekatinya. Alangkah baiknya kalau ada jerangkap samar pemburu haram menanti langkahku agar tidak perlu aku berdepan
30 dengan budak tersebut. Jelas sekali, budak itu kelihatan takut, seolah-olah aku berhasrat mencederakannya.

Ketika aku berada betul-betul di hadapan budak tersebut, renungan matanya sudah pun menghukum aku. Tidak mungkin dapat dinafikan lagi bahawa tidak ada sebarang kata ampun yang mungkin mencapai tahap kehilangan yang telah berlaku.

35 Lututku tidak mampu menanggung beban kesalahan. Tidak sanggup mempertahankan kekuatan fizikal hasil gangguan emosi yang menyeluruh. Betapa aku berharap setiap titis hujan merupakan anak panah, memacak tubuhku sehingga maut datang mencengkam. Seolah-olah prinsip “darah dengan darah, mata dengan mata” sahaja yang dapat kuterima saat ini. Keinginan untuk hidup tidak ada padaku untuk
40 beberapa ketika. Aku tidak berdaya untuk hidup dengan label “pembunuh” terpaku pada jiwaku. Namun aku masih bernafas dalam kedinginan suasana. Dan itu

menyebabkan aku jatuh bertelut di hadapan budak tersebut, menangis dengan tapak tangan menutup wajah.

45 Ada pepatah mengatakan orang dewasa itu wajar menangis walau apa pun alasannya. Menangis tidak menyelesaikan masalah. Menangis tidak mencerminkan sifat kelelakian dan sudah tentu bukan sifat seorang pegawai atasan dalam kerajaan. Silap betul pepatah itu kerana sifat seseorang peribadi berbeza-beza. Cara dia dibesarkan, kuat lemah peribadinya dan situasi hidup yang dialaminya tiada persamaan dengan orang lain.

50 “Jangan menangis, tuan,” ujarnya dengan suara lunak, seakan peti suaranya masih belum pecah. Masih murni.

“Bagaimana mungkin, anakku? Kematian ayahmu meletakkan nyawaku sendiri di tanganmu. Sekiranya kamu bertekad memukul aku sehingga mati, aku hanya akan berdiam diri. Pembunuh merupakan label yang tak dapat aku terima sampai bila-bila.”

55 “Salah, tuan”.

Aku memandang wajah budak yang masih menyimpan ciri-ciri keanak-anakan. Tangisanku reda disebabkan rasa hairan. Tuhan, apakah yang dimaksudkan oleh anak muda ini?

“Dia seorang manusia jahat.”

Dipetik dari cerpen, “Berkat Satu Kealpaan,”
oleh Chin Fook On, 1999

- Nyatakan sikap dan keperibadian narator dalam hal ini.
- Apa pendapat anda tentang teknik dan gaya penceritaan dalam petikan ini.
- Sejauh manakah dialog antara dua watak ini memberi kesan kepada pembaca dan bagaimana?
- Apakah penilaian anda tentang pemaparan imej-imej dalam petikan ini.

1. (b)

Dari Jendela Keretapi

Sawah di sekelilingku
mengingatkan tanah tumpah darah kita
tak ada gunung biru memukau
atau imbauan pipit dan kedidi di bendang
5 di sini manusia mengatur hidup
penuh saksama dengan sistem

sawah di sekelilingku
bagaikan memanggilku pulang
mengejarmu di permatang sampai ke pantai
10 atau mencari itik yang kehilangan kawan
di sini makna pembangunan terancang
lantara pengertian mereka dan erti penderitaan.

sawah gandum di sini
manusianya di sini
15 sedang mencari identiti
kita di sana
pesawah padi dan nelayan
berteduh di kala hujan.

di sini di antara sawah dan manusia
20 aku mengerling setiap yang lalu
tapi tak akan bertemu
sepasang mata ayu
sebuah tubuh yang hidup
seperti yang kau tahu.

A. Rahim Abdullah
1991

- Bincangkan imejan-imejan yang dipaparkan dalam sajak di atas.
- Apakah perbandingan dan perbezaan yang cuba diutarakan?
- Apa pendapat anda tentang nada sajak ini?
- Apakah sikap penulis yang dapat disorot dari sajak ini.